

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

HBT 203 - Bahasa, Undang-Undang Dan Penterjemahan II

Masa: [3 Jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM LIMA [5] HALAMAN.

ARAHAN KEPADA CALON:

1. Pastikan kertas peperiksaan mengandungi LIMA [5] muka surat bercetak.
2. Jawablah:
 - [i] Soalan 1 dan 2 yang merupakan soalan wajib, dan
 - [ii] Mana-mana satu (1) soalan yang lain.
3. Nilai markah soalan-soalan adalah berbeza.
4. Tulis semua jawapan dalam BUKU JAWAPAN.

.../2

Jawab soalan-soalan 1 dan 2:

SOALAN 1: (50 markah)

1. [a] Huraikan maksud frasa/kata yang bergaris bawahnya dalam definisi berikut:

“Jenayah dapat didefinisikan sebagai kesalahan awam yang apabila dilakukan akan berakhir dengan prosiding jenayah yang seterusnya mengakibatkan pengenaan hukuman kepada si penjenayah.”

[10 markah]

[b] Dalam mahkamah jenayah yang sedang bersidang terdapat pihak pendakwa raya, pihak tertuduh, pihak pembela dan Yang Arif tuan hakim. Bincangkan peranan dan tindakan mereka dalam konteks “examination-in-chief”, “cross-examination” dan “re-examination”.

[10 markah]

[c] Jawab soalan-soalan yang berikut:

[i] Apakah yang kamu fahami dengan liabiliti penjenayah (criminal liability)?

[ii] Sebutkan maksud “actus non facit reum nisi mens sit rea”.

[iii] Apakah actus reus bagi kes-kes berikut?

[a] bunuh;

[b] bigami;

[c] pencurian.

[iv] Dengan contoh, tunjukkan actus reus siapakah yang berkaitan jika terdapat beberapa rantaian penyebab (chain of causes)?

[10 markah]

[d] Jawab soalan-soalan yang berikut:

[i] Mens Rea ialah minda/niat berbuat jahat (culpable state of mind) dan boleh berbentuk niat (intention), melulu (reckless), cuai (negligence) dan niat pindah (transferred intent). Apakah perbezaan antara jenis-jenis tersebut?

.../3

[ii] Terangkan maksud:

[a] mens rea dan actus reus mestilah hadir serentak;

[b] mens rea dan actus rea sebagai siri satu transeksi.

[10 markah]

[e] Jawab semua bahagian:

[i] Huraikan tingkat dan tempat "burden of proof" dan "the standard of proof" yang perlu dicapai oleh pihak pendakwa raya;

[ii] Nyatakan jenis-jenis pembelaan(defences) oleh tertuduh dalam kes bunuh dan pematian orang;

[iii] Apakah "burden of proof" and "standard of proof" dalam situasi pembelaan.

[10 markah]

SOALAN 2: [30 markah]

2. [a] Jawab [i], [ii] dan [iii]:

[i] Terangkan apa yang dimaksudkan dengan jenayah kewajipan ketat (strict liability offences) terutamanya daripada segi kawajipan dan kesabitan.

[ii] Terangkan bilakah seseorang itu boleh dianggap sebagai pihak-pihak dalam jenayah (parties to a crime)?

[iii] Terangkan yang dimaksudkan dengan jenayah inkoat (inchoate offences).

[15 markah]

[b] Jawab [i] dan [ii]:

[i] Bezakan antara serangan (assault) dan serang-sentuh (battery).

[ii] Terangkan apa maksud homisid (homicide).

[15 markah]

.../4

Jawab SATU (1) soalan sahaja daripada soalan-soalan (3), (4) dan (5):

SOALAN 3: [20 markah]

3. [a] Jawab [i], [ii] dan [iii]:

[i] Dalam definisi di bawah, huraikan setiap satu maksud frasa/kata seperti:

- [a] “appropriates”
- [b] “property”
- [c] “belonging to another”
- [d] “dishonestly” dan
- [e] “intention of permanently depriving the other...”

“A person is guilty of theft if he dishonestly appropriates property belonging to another with the intention of permanently depriving the other of it.”

[ii] Apakah perbezaan antara handling, robbery, burglary and blackmail?

[20 markah]

SOALAN 4: [20 markah]

4. [a] Jawab [i], [ii] dan [iii]:

[i] Apakah yang perlu ada supaya sesuatu wasiat itu sah?

[ii] Terangkan cara mewujudkan satu Amanah (trust).

[iii] Huraikan kepastian-kepastian (certainties) yang perlu ada dalam sesuatu Amanah.

.../5